

# Pemimpin PBS takut rahsia terbongkar

KUALA LUMPUR: Pemimpin tertentu Parti Bersatu Sabah (PBS) bimbang pelbagai penyelewengan mereka dibongkar oleh Umno apabila mengembangkan sayapnya ke negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, kerana takutkan kesalahan mereka didedahkan oleh Umno, pemimpin tertentu PBS menyifatkan kemasukan Umno ke negeri itu sebagai campur tangan orang luar.

"Ini yang menimbulkan perasaan takut di kalangan pemimpin tertentu di Sabah. Sehingga kini, mereka dapat memerintah Sabah mengikut kehendak hati mereka dan tidak ada siapa yang menegur.

"Tetapi dengan adanya Umno, mereka khawatir kerana Umno boleh mengesan sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin di Sabah. Itulah sebabnya mereka khawatir apabila kita ada di sana," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini semalam.

Beliau mengulas seruan Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan kepada rakyat Sabah supaya menolak langkah Umno dan beberapa parti lain

dari Semenanjung mengembangkan sayap mereka ke negeri itu.

Dalam ucapan dasarnya sewaktu merasmikan mesyuarat perwakilan tahunan kelima pemuda dan wanita PBS Khamis lalu, Datuk Pairin berkata, 'orang luar' tidak berhak menentukan kerajaan yang memerintah Sabah.

Dalam hal ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Sabah sebenarnya bukan untuk orang Sabah saja tetapi negeri itu adalah sebahagian daripada Malaysia, manakala negeri-negeri lain juga menerima orang Sabah sebagai rakyat Malaysia.

Anggapan bahawa Sabah adalah sebuah negeri asing, menurut Perdana Menteri, adalah tidak kena.

"Saya biasa ditanya oleh Jeffry Kitingan sama ada bolehkah orang Sabah menjadi Perdana Menteri. Jawapan saya ialah jika orang Sabah, tidak boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia. Tetapi orang Malaysia boleh.

"Jadi kalau dia mahu menjadi Perdana Menteri Sabah di Malaysia, tidak ada tempat baginya. Saya bukan Perdana Menteri Kedah di Malaysia. Saya ialah Perdana Menteri Malaysia

● Lihat muka 2

# PBS takut rahsia terbongkar

Dari muka 1

kerana saya rakyat Malaysia," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, pertanyaan Jeffri Kitingan sama ada orang Sabah boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia itu seolah-olah dia mahu Sabah memerintah Malaysia.

"Ini menunjuk betapa ceteknya pandangan dan dalamnya sifat kenegerian pemimpin PBS, khususnya dua orang ini iaitu Pairin dan Jeffry Kitingan," katanya.

Presiden Umno itu berkata, mesyuarat MT semalam membincangkan langkah parti berkenaan ke Sabah dan berpendapat penyusunannya akan dibuat secara teliti dengan mengambilkira keadaan tertentu di negeri itu.

"Bagaimanapun, satu perkara yang pasti dan disahkan oleh mesyuarat hari ini ialah kita akan menubuhkan bahagian-bahagian Umno di Sabah," katanya.

Mengenai perlembagaan Sabah yang menetapkan wakil rakyat di negeri itu terpaksa mengosongkan kerusi mereka jika berpindah parti mungkin menyuarakan kemasukan ahli Usno ke dalam Umno, beliau berkata undang-undang itu hanya membabitkan ahli dewan undang negeri (Adun).

"Kalau bukan Adun, mereka boleh masuk mana-mana parti. Mereka tidak akan gugur kerana undang-undang itu hanya membabitkan Adun.

"Jadi ahli-ahli Usno yang menjadi Adun tidak boleh menukar parti. Tetapi ahli-ahli Usno yang bukan menjadi Adun tetapi wakil rakyat Parlimen, boleh berpindah kepada Umno," katanya.